

MODEL DAN KURIKULUM PENDIDIKAN AL-QURAN HOLISTIK BAGI OKU

Hj. Norakyairee Hj. Mohd Raus, Nurutthoilah Ahmad Nabil

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
bnurushd@gmail.com

ABSTRACT

Curriculum development is an improvisation process to achieve specific educational objectives. The Special Education Program offers Islamic Education opportunities to students with visual impairment, hearing impairment and learning disabilities, including Quranic Education. However, the development of its model and curriculum is still at early stage. The main objective of this research is to carry out an exploration on a holistic Quranic Education model and curriculum for Persons with Special Needs (PSN), and to identify existing models and curricula. This research uses the qualitative method and relies on observation, interview and document analysis protocols for data retrieval. Research findings portray that curriculum objectives, curriculum content, teaching and learning activities and assessment process are all vital elements in determining curriculum development and model.

Keywords: Model and Curriculum, Quranic Education, Person with Special Needs

ABSTRAK

Pembangunan kurikulum merupakan proses penambahbaikan bagi mencapai sesuatu matlamat pendidikan. Program Pendidikan Khas turut menawarkan peluang pendidikan Islam kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) Masalah Penglihatan, Pendengaran dan Pembelajaran termasuk pendidikan al-Quran. Namun, isu berkaitan model dan kurikulumnya masih di peringkat awal. Objektif utama kajian ini adalah merupakan eksplorasi terhadap model dan kurikulum pendidikan al-Quran holistik bagi OKU dan mengenal pasti model dan kurikulum yang sedia ada. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan menjadikan protokol pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk mendapatkan data. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan pemilihan model dan pembangunan kurikulum perlu melihat kepada objektif kurikulum, kandungan kurikulum, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, dan proses penilaian.

Kata Kunci: Model dan Kurikulum, Pendidikan al-Quran, OKU

PENDAHULUAN

Kurikulum yang dibangunkan berdasarkan model-model tertentu bertujuan untuk merealisasikan sesuatu dasar pendidikan di sesebuah negara. Kejayaan dan keberlangsungan sistem pendidikan bergantung kepada rekabentuk kurikulum (Ishak Ramly 2003) yang berdasarkan keperluan individu dan masyarakat dalam mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan sama ada ia dilihat dari sudut sukanan pelajaran, objektif pembelajaran atau kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru (Nasywan 1991). Kurikulum berkesan mempunyai rekabentuk dinamik yang sentiasa mengalami pengembangan dan perubahan daripada yang kurang baik kepada yang lebih baik (Razali Arof 1996) yang dilihat sama ada dari sudut perancangan, pelaksanaan dan penilaian (Olivia 2005).

Dalam konteks pendidikan al-Quran, Abdul Hafiz et al. (2004) berpendapat bahawa pendidikan al-Quran merangkumi pendidikan bacaan Qiraat, kaedah-kaedah hafazan, penterjemahan, pengajian tafsir, pengajian hukum dan sebagainya. Namun, dalam konteks perbincangan ini pendidikan al-Quran merujuk kepada eksplorasi model dan kurikulum kemahiran al-Quran holistik bagi OKU di mana ia bersifat syumul dari pelbagai aspek sama ada penawaran atau penyediaan perkhidmatannya yang inklusif sesuai dengan labelnya sebagai panduan sepanjang zaman dan rahmat seluruh alam (*rahmatan lil `Alamin*).

Istilah OKU jika dirujuk melalui akta OKU (2008) bererti Orang Kurang Upaya. Dalam bidang pendidikan, OKU dirujuk kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) atau Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dan selaras maksud penggunaannya dalam Bahasa Arab iaitu *Zawi al-Ihtiyajat al-Khassah*. OKU yang dikenali juga sebagai ‘Orang Kelainan Upaya’ merupakan kumpulan minoriti yang memerlukan perhatian dan bantuan pelbagai pihak khususnya masyarakat setempat bagi memastikan keberlangsungan hidup mereka sama ada dari sudut akses fizikal maupun spiritual. Di Malaysia, analisis perkembangan penawaran program Pendidikan Khas Negara melalui akta dan peraturan yang

dikeluarkan menunjukan bahawa ruang dan peluang OKU untuk dididik dan menerima pelajaran tidak dapat dinafikan (Akta Pendidikan 1961; Laporan Kabinet 1979; Akta Pendidikan 1996; Peraturan-peraturan Pendidikan Khas 1997; Akta Pendidikan (pindaan) 2002). Bahkan laporan Warnock (1978) menyebut bahawa semua kanak-kanak berkeperluan khas termasuk dalam kerangka program Pendidikan Khas walaupun teruk ketidakupayaan mereka, tetap dikira sebagai boleh dididik.

Justeru, pemerkasaan dari sudut model dan kurikulum yang sesuai dengan kelainan keupayaan golongan minoriti ini berasaskan falsafah kemuliaan kedudukan anak-anak Nabi Adam AS (al-Isra'17:70; al-Tin:95:4) dan konsep orientasi usaha atau *effort oriented* (al-Layl:92:4-7; al-Tawbah:9:105) yang meliputi strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran (PdP) kemahiran al-Quran dinamik dilihat mampu mencapai matlamat pendidikan al-Quran holistik sesuai dengan Firman Allah SWT melalui lidah Nabi Muhammad SAW agar menyampaikan ilmu pengetahuan itu dengan sebaik-baik penyampaian dan sesuai dengan tahap kelainan keupayaan golongan sasar (al-Baqarah:2:83; al-Nahl:16:125; al-Isra':17:53).

PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Secara umum, sifat ingin tahu merupakan penggerak utama dalam penentuan masalah di dalam sesuatu kajian (Mohd Sheffie 1995). Walaupun tiada kaedah yang tetap bagi mencari masalah kajian, namun terdapat tiga elemen penting yang dapat digunakan bagi mencapai maksud dan matlamat sesuatu kajian iaitu berdasarkan pengalaman, teori dan literatur yang berkaitan (Azizi Yahaya et al. 2007).

Dalam konteks kajian ini, terdapat beberapa isu dan cabaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah mengenal pasti beberapa isu dan masalah yang dihadapi dalam menjayakan program transformasi dalam kurikulum sekolah bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan tidak hanya berorientasikan peperiksaan (KPM, Pembangunan Pendidikan 2001-2010) sebagaimana dinyatakan dalam jadual 1.1 di bawah:-

Jadual 1.1: Isu yang mempengaruhi kejayaan transformasi dalam kurikulum sekolah

| Bil. | Isu/Masalah | Kesan/Implikasi |
|------|----------------------------|--|
| 1 | Sistem pendidikan berpusat | Menyebabkan pentadbir dan guru terpaksa akur dengan dasar pendidikan yang ditetapkan |
| 2 | Sikap dan pemikiran guru | Menyebabkan objektif dan dasar pendidikan negara tidak dapat capai sepenuhnya |
| 3 | Ruang dan masa PdP | Mempengaruhi kepelbagai teknik dan strategi pengajaran yang tidak hanya bergantung kepada pemusatan guru |
| 4 | Guru berkemahiran | Menyebabkan pelaksanaan P&P akan terbantut lebih-lebih lagi dalam sistem Pendidikan Khas. |
| 5 | Bahan Bantu Mengajar | Mempengaruhi keberkesanannya kurikulum sekolah dan pencapaian pelajar. |
| 6 | Amalan PdP Guru | Mempengaruhi aspek penentu keberkesanannya kurikulum. |
| 7 | Sokongan ibu bapa | Menyebabkan terbantutnya perkembangan anak terutama ibu bapa yang memiliki anak istimewa |

KPM melalui Bahagian Pendidikan Islam dan Moral (BPI) sentiasa melakukan semakan kurikulum Pendidikan Islam dari semasa ke semasa. Ini bertujuan untuk memperbaiki kelemahan, membina kesesuaian dari sudut aspek pelaksanaan dengan keperluan semasa, keupayaan membina sahsiah murid dan menanamkan benih-benih keimanan yang teguh serta mantap dalam menghadapi pelbagai bentuk cabaran semasa. Menurut Ab. Halim et al. (2004), semakan kandungan sukanan kurikulum Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) ini turut menuntut perubahan pendekatan, gaya dan kaedah penyampaian pengajaran guru. Perubahan dalam kurikulum sukar dilaksanakan jika guru sebagai agen pelaksana mempunyai tanggapan dan pemahaman yang kurang jelas terhadap kurikulum tersebut. Di samping itu tanpa pengetahuan, pengalaman dan keupayaan juga akan menyebabkan guru kurang bersedia untuk menghadapi dan melaksanakan perubahan yang dirancang (Wina Sanjaya 2006).

Bermula tahun 2011, semua sekolah akan menggunakan kurikulum baharu yang dikenali Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang laksanakan secara berperingkat dan dimulai dengan murid Tahun Satu. Arahan penggunaan KSSR sebagai kurikulum baharu ini berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas bertarikh 14 Oktober 2010. KSSR menurut Mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, bukan menggantikan KBSR tetapi ia merupakan kesinambungan daripada KBSR. KSSR juga selaras dengan perkembangan dan permintaan semasa yang menuntut modal insan yang berkualiti dalam mendepani cabaran pendidikan era globalisasi.

Menurut Surat Pekeliling itu lagi, MBK Masalah Penglihatan (MaL) mengikuti KSSR arus perdana dengan penambahan Kemahiran Asas Individu Masalah Penglihatan (KAI MaL). Kurikulum Pendidikan Jasmani dan Dunia Seni Visual diubah suai mengikut kesesuaian murid. Amnya, KSSR yang terdiri daripada tiga modul iaitu Modul Teras Asas, Modul Teras Tema dan Modul Elektif masih mengekalkan peruntukan masa bagi mata pelajaran Pendidikan Islam iaitu selama 180 daripada 1380 jumlah waktu seminggu. Menariknya, pada sesi pengajian pada tahun berkenaan Buku Teks Pendidikan Islam (KSSR) versi Braille (Tahun Satu) dan Buku Iqra' versi Braille telah diedarkan ke sekolah-sekolah Pendidikan Khas seluruh Malaysia yang diterbitkan oleh PERTIS dengan kerjasama USIM dan dikawal selia oleh KPM. Namun, isu yang biasa menjadi permasalahan dalam mananya bidang yang baharu ditawarkan adalah isu latihan guru, BBM dan keberkesanan kurikulum yang dilaksanakan. Protokol temu bual yang dijalankan ke atas Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam Program Pendidikan Khas (MBK MaL) mendapati keperluan kepada penggubalan kurikulum khusus Pendidikan Islam khususnya dalam Modul Tilawah al-Quran di mana tiada panduan pengajaran al-Quran berbantukan Braille disediakan bagi membolehkan perlaksanaan PdP al-Quran lebih efektif. GPI juga tidak diberi latihan formal melainkan eksplorasi kendiri dan perkongsian daripada GPI yang berpengalaman. Perkara yang sama juga berlaku hasil dapatan melalui protokol temu bual GPI dalam program Pendidikan Khas MBK Masalah Pembelajaran di bawah Jabatan Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan pada tahun 2014.

Begitu juga keadaanya terhadap aspek kurikulum PdP Pendidikan Islam bagi MBK Masalah Pendengaran. Menurut beberapa kajian, PdP kepada MBK Masalah Pendengaran perlulah dibuat suatu sukanan atau kurikulum baharu yang besesuaian dengan kelainan keupayaan golongan ini agar isi kandungan yang disampaikan mampu difahami dengan baik dan berkesan (Mohd Mokhtar Tahar et al. 2005; Mohd Hanafi Mohd Yasin 2005; Mohd Huzairi Awang et al. 2010; Hamdi Ishak et al. 2010; Siti Muhibah Mohd Nor 2010 dan Syar Meeze Mohd Rashid 2015). Isu yang sama juga diutarakan iaitu berkaitan kemahiran guru kurang berkemahiran dalam bahasa isyarat, tiada isyarat yang bersuaian berkaitan agama dan tiada kaedah yang bersesuaian dalam mengajar modul Pendidikan Islam. Selain itu, protokol temu bual terhadap ibu bapa yang dianugerahkan anak mempunyai Masalah Pendengaran dan melihat perspektif mereka terhadap Pendidikan Islam menunjukkan bahawa terdapat empat kebimbangan yang disuarakan iaitu kekurangan sokongan keluarga dalam pendidikan, budaya Melayu berhubung dengan kanak-kanak istimewa, rasa tidak puas hati terhadap perlaksanaan Pendidikan al-Quran bagi MBK Masalah Pendengaran di sekolah dan kekurangan sokongan teknologi di sekolah-sekolah (Nafiseh et al. 2013).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mensasarkan beberapa objektif utama, iaitu:

1. Menerangkan model dan kurikulum program pendidikan khas dalam pendidikan al-Quran; dan
2. Mengenal pasti model dan kurikulum pendidikan al-Quran holistik bagi OKU.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menjadikan protokol pemerhatian, temu bual dan analisis data untuk mendapatkan data dan maklumat.

DAPATAN KAJIAN

Berikut merupakan hasil dapatan kajian berkaitan model dan kurikulum Pendidikan al-Quran holistik bagi OKU:-

1. Model dan Kurikulum Pendidikan al-Quran bagi OKU

Amnya, model jika dirujuk kepada konteks pembangunan kurikulum mengandungi beberapa komponen seperti sasaran, hasil pembelajaran, pengalaman pendidikan dan sebagainya di mana ia merupakan panduan untuk melaksanakan kandungan atau kursus yang ditetapkan bagi mencapai sesuatu matlamat pendidikan yang digariskan.

Kurikulum menurut kamus Dewan (2005) merupakan suatu skop atau isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sebuah sekolah atau institusi pendidikan. Kurikulum juga merupakan suatu pengalaman pembelajaran daripada kehidupan nyata dan tidak nyata yang dipilih, diorganisasi dan disusun oleh sarjana pendidikan dan pakar kurikulum secara teliti dan professional, demi menjadikan pelbagai jenis aktiviti pembelajaran nyata dan tidak nyata dapat dirancang dan dilaksanakan dengan baik dan tersusun (Ahmad Subri Shuib, 2009). Menurut Norlidah Alias et. al., (2014) kurikulum bukan sekadar satu label yang merujuk atau menjelaskan tentang satu entiti atau perbuatan tetapi adalah suatu konsep yang telah melalui beberapa tahap transformasi justeru meninggalkan kesan-kesan dalam bentuk idea, model, dan tindakan-tindakan yang dihasilkan dalam projek-projek di sekolah dan di institusi pendidikan. Smith (2014) menyatakan bahawa kurikulum merupakan suatu perancangan, penyusunan dan penilitian yang ditulis bagi memenuhi keperluan pendidikan individu yang diambil hasil daripada pengalaman murid dan pandangan guru yang berpegalaman. Selain itu, menurut Ahid (2014) kurikulum dilihat sebagai suatu bahan iaitu melalui kegiatan berdasarkan pengalaman murid dan kepakaran guru dalam merangka dan dihasilkan sebagai suatu dokumen bertulis supaya dapat menjadi panduan untuk mencapai matlamat pengajaran.

Pembentukan dan perancangan kurikulum seharusnya mantap dan kukuh supaya setiap fasa dalam pembentukan dan perancangan dilaksanakan secara konsisten dan logikal malahan juga memenuhi keperluan dalam perkembangan individu yang meliputi pengalaman masa silam, pandangan dan perspektif sesuatu dalam hidup dan keinginan serta keperluan pada masa akan datang (Norlidah Alias, et. al., 2014). Perkara ini selaras dengan Kelly (2006) di mana kurikulum perlulah lebih lengkap dan menyeluruh serta mengandungi matlamat, objektif, isi kandungan, proses, sumber dan cara penilaian yang bersesuaian dan mantap. Hal ini menunjukkan bahawa perencanaan kurikulum perlulah mempunyai asas yang teguh supaya perencanaannya bersesuaian dengan keperluan dan perkembangan individu seseorang.

Oleh itu, dapat dirumuskan disini bahawa kurikulum boleh dibahagikan kepada empat komponen iaitu objektif kurikulum, kandungan kurikulum sama ada berupa akademi dan bukan akademi serta sukanan pelajaran, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan proses penilaian.

2. Mengenal pasti model dan kurikulum pendidikan al-Quran holistik bagi OKU.

Berikut merupakan hasil dapatan berkaitan model dan kurikulum pendidikan al-Quran holistik bagi OKU:-

1. Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah

al-Quran Braille merujuk kepada gabungan dua perkataan iaitu al-Quran dan Braille. al-Quran merupakan sumber rujukan utama ajaran Islam yang lengkap terkandung di dalamnya dasar utama agama Islam iaitu Akidah, Syariat dan Akhlak. Dari sudut bahasa, al-Quran bermaksud bacaan dan perkataan al-Quran itu berasal daripada perkataan Arab *Qira'ah* yang membawa maksud menghimpun huruf-huruf dan kata-kata, satu dengan yang lain dalam satu ucapan yang tersusun rapi (al-Zarqani 1994). Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam

surah al-Qiyamah:75:16-19 yang menuntut kepada Muslim membaca, menghafaz, memahami dan seterusnya mengamalkan isi kandungan al-Quran dalam kehidupan sehari-hari (Norakyairee dan Ab. Halim 2011). Manakala dari sudut istilah pula, bolehlah kita simpulkan bahawa al-Quran adalah *Kalam Allah SWT* yang merupakan mukjizat diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dengan perantaraan Saidina Jibril AS, ditulis dalam Mushaf, diriwayatkan secara Mutawatir dan dikira sebagai satu ibadah bagi mereka yang membacanya.

Manakala istilah Braille pula diambil sempena nama Louis Braille, seorang warga Perancis yang mengalami masalah penglihatan, pengasas tulisan berdasarkan penggunaan titik timbul bagi menggantikan huruf dan nombor sekitar abad ke sembilan belas yang dipanggil sebagai sel (*cell*) yang mempunyai enam titik dan dikenali juga sebagai kod Braille. Penggunaan kod ini menggantikan penggunaan buku berhuruf timbul berdasarkan wayar tembaga yang ditekan pada kertas yang diperkenalkan oleh Valentin Haüy, pengasas National Institute for Blind Youth di Paris dan kod penulisan rahsia yang dinamakan *Sonography* bermaksud sistem penulisan malam yang diasaskan oleh seorang pegawai tentera bernama Charles Barbier pada tahun 1821.

Jika digabungkan al-Quran dan Braille iaitu al-Quran Braille, maka ia merujuk kepada Mushaf al-Quran Braille yang menggunakan asas kod Braille Bahasa Arab yang mewakili huruf-huruf *Hijaiyyah*, tanda baris seperti *fathah*, *dammah*, dan *kasrah*, serta simbol-simbol seperti *shaddah*, *sukun*, *mad* dan sebagainya (Noornajihan dan Kauthar 2008).

Penghasilan al-Quran Braille merupakan salah satu alternatif bagi OKU masalah penglihatan untuk berinteraksi dengan mushaf ini. Di Malaysia, senario perkembangan al-Quran Braille yang dipelopori oleh Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) telah mendapat pengiktirafan diperingkat kebangsaan. Ini terbukti dengan penerbitan edisi al-Quran Braille (kod Braille Bahasa Arab Gred 1) yang bersumberkan al-

Quran Braille terbitan Indonesia merupakan satu-satunya al-Quran Braille yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Menurut kajian Ahmad Kamel et al. (2009), berdasarkan perkembangan pelbagai kod Braille yang direkodkan oleh UNESCO di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), didapati kod Braille Bahasa Arab yang seragam sudahpun mantap dan diaplikasikan menjelang tahun 1960-an. Perkara ini dapat diandaikan bahawa aplikasi al-Quran Braille yang bersandarkan kod Braille Bahasa Arab di beberapa buah negara Islam di Timur Tengah telah bermula seawal tahun 1950-an. Pernyataan ini turut disokong oleh PERTIS yang menyatakan bahawa naskhah Mushaf al-Quran Braille yang terawal sampai di Malaysia adalah pada sekitar tahun 1952 yang dihadiahkan oleh negara Jordan ke Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Princess Elizabeth, Johor Bahru. Ia terdiri daripada 6 Jilid (30 Juzuk) dan setiap jilid mengandungi 5 juzuk al-Quran yang dicetak secara *double sided* (Hampshire 1981; Zakaria 2008). Selain dari Jordan, PERTIS juga turut memperoleh al-Quran Braille dari Mesir (1964), Tunisia (1976), dan Indonesia (1970-an).

Di Indonesia, terdapat lebih dari satu badan atau organisasi yang mengeluarkan dan menerbitkan al-Quran Braille. Antaranya ialah Badan Wiyataguna yang berpusat di Bandung dan juga Yayasan Kesejahteraan Tunanetra Islam, Indonesia (Yaketunis) yang berpusat di Yogyakarta. Kedua-dua badan ini saling lengkap-melangkapi antara satu sama lain dalam konteks memenuhi keperluan al-Quran Braille bagi mereka yang cacat penglihatan di Indonesia.

Di Malaysia, naskhah al-Quran Braille yang dihantar oleh pihak yang tidak dikenali telah sampai ke tangan ustaz Sulaiman, salah seorang tenaga pengajar normal di SKPK Princess Elizabeth. Merasakan ianya satu anugerah buat MBK masalah penglihatan, ustaz Sulaiman berusaha untuk memahami kod al-Quran Braille tersebut secara kendiri sehingga mampu menguasainya dan seterusnya mengajarkannya. Setelah itu, PERTIS telah mengambil inisiatif dalam membuat semakan dan menyalin semula al-Quran Braille dalam bentuk *soft*

copy seawal tahun 1990-an oleh dua sahabat iaitu Cikgu Zakaria Yahya dan Ustaz Muhammad Lee Abdullah yang kedua-duanya merupakan mereka yang mengalami masalah penglihatan (<http://besiwaja.blogspot.com>, 8/10/2012).

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan satu-satunya universiti yang menawarkan kursus wajib fakulti berkaitan al-Quran Braille iaitu Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah (QNR3013). Kursus ini lengkap dengan model dan kurikulumnya dan mula ditawarkan pada tahun 2008.

2. Model QurANIS

QurANIS adalah usaha rintis yang buat pertama kalinya dijalankan oleh institusi pengajian tinggi dalam memberi hak, ruang dan peluang kepada anak istimewa dalam menghayati kehidupan beragama. Anak istimewa di dalam projek rintis ini adalah terdiri daripada pekak, autisme, lembam dan sindrom down.

Secara ringkasnya, QurANIS dibangunkan oleh Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan al-Quran, Universiti Malaya dan merupakan Finalis Anugerah Inovasi Negara (AIN2014) dalam bidang perkhidmatan. Model QurANIS merujuk kepada inovasi pendidikan al-Quran dan Ibadah bagi anak istimewa dan ia terdiri daripada 4 komponen utama iaitu Hafazan, Tilawah, Ibadah dan Terapi Alami.

QurANIS juga merupakan dapatan melalui senario penawaran pendidikan al-Quran bagi OKU dan realiti yang berlaku dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia:-

- a) Tiada sekolah agama mahupun kelas al-Quran secara formal oleh mana-mana institusi berwajib untuk anak-anak istimewa dengan apa juga kecacatan.

- b) Tanggapan masyarakat yang menyama-ratakan bahawa anak-anak istimewa ini tidak tertaklif dan tidak perlu diajarkan al-Quran. Impak dari stigma pemikiran ini, anak-anak istimewa kurang diraikan oleh ahli kariah mereka. Sebagai contoh seorang yang pekak tidak mungkin dapat mengikuti ceramah mahupun khutbah jumaat tanpa bantuan jurubahasa isyarat.
- c) Kekurangan penglibatan badan bukan kerajaan Islam, jabatan keagamaan dan lain-lain agensi berwajib yang menitik-beratkan usaha terhadap pendidikan al-Quran kepada anak istimewa berbanding dengan usaha pendidikan agama kepada komuniti lain sebagai contoh muallaf, anak yatim, rakyat pelarian dan sebagainya.
- d) Guru al-Quran kurang kemahiran dari segi teknik, kaedah dan strategi dalam mendidik atau menangani anak-anak istimewa kerana mereka tidak mempunyai ruang dan peluang untuk menjalani latihan. Di Malaysia mahupun dimana-mana negara, kita tidak mempunyai institut pengajian awam atau swasta yang membangunkan latihan dan modal insan untuk anak istimewa. Bagi graduan dari bidang pendidikan khas, mereka tidak mendapat tauliah dan tidak layak untuk mengajar subjek Pendidikan Islam. Manakala graduan pengajian Islam pula tidak ada program yang dikatakan.
- e) Tiada kurikulum pendidikan al-Quran yang bersesuaian dengan kemampuan kognitif mereka. Kaedah Iqra masih digunakan di sekolah walaupun sebenarnya banyak teknik membaca al-Quran antaranya al-Baghdadi, Qira'ati, al-Barqy, al-Furqan, Hattawiyah dan kaedah yang terkini lebih mudah dan cepat adalah kaedah al-Jabari. Kurikulum anak istimewa adalah unik kerana ia haruslah mengikut kepada pelajar tersebut dan pengajaran secara one-to-one atau kumpulan yang agak kecil untuk lebih fokus.

PENUTUP

Minat terhadap Pendidikan Khas di Malaysia bermula pada tahun 1920an dengan penglibatan sukarelawan yang terlibat dalam pembukaan sekolah cacat penglihatan dan pendengaran. Laporan Jawatankuasa Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran melalui perakuan 169 membawa kepada satu penekanan dan tumpuan kepada perkembangan Pendidikan Khas di Malaysia. Perakuan ini menyebut:

“Dengan Dengan adanya kesedaran bahawa kerajaan seharusnya bertanggungjawab terhadap pendidikan kanak-kanak cacat adalah diperakukan kerjaan hendaklah mengambil alih sepenuhnya tanggung jawab pendidikan itu dari pihak-pihak persatuan yang mengendalikannya pada masa ini. Di samping itu penyertaan oleh badan-badan sukarela dalam memajukan pendidikan kanak-kanak cacat hendaklah terus digalakkan”.

Konsep pendidikan merupakan satu usaha ke arah menyuburkan diri seseorang dengan ilmu pengetahuan bagi membentuk insan sempurna yang mampu melaksanakan tanggungjawabnya (Ibn Qayyim al-Jawziyyah t.th). Pembentukkan insan sempurna ini dizahirkan melalui personaliti unggul sebagaimana ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam konteks *al-Rasul al-Mu`allim* (Norakyairee et al. 2012). Konsep ini selaras dengan matlamat utama pendidikan itu sendiri, iaitu membentuk sahsiah murid melalui perubahan tingkah laku mereka di mana refleksi personaliti guru adalah faktor utama bagi mencapai tujuan tersebut (Ab. Halim dan Mohamad Khairul Azman 2010; al-Nahlawi 1996; Falsafah Pendidikan Guru, KPM; Falsafah Pendidikan Negara, KPM).

Justeru, bagi mencapai tujuan tersebut, keperluan terhadap model dan kurikulum yang bersesuaian dengan golongan sasar dengan mengambil kira faktor luar dan dalamannya sebagaimana dijelaskan di atas perlu diambil tindakan serius. Di samping itu, GPI berkesan perlu dibina dan dimasukkan dalam modul-modul latihan perguruan, latihan dalam perkhidmatan dan kursus berkala agar gambaran awal mengenai bidang ini jelas selain

mampu melahirkan produk guru yang terlatih (Mohd Ali 1979). Model ini juga selaras dengan hasrat Bahagian Pendidikan Guru (BPG), KPM dengan terlaksananya model Standard Guru Malaysia (SGM) di mana tiga standard dalam memperkasa profesionalisme keguruan adalah merujuk kepada amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, dan kemahiran P&P. Ini kerana aspek guru sebagai agen perubahan sangat signifikan bagi menjayakan sesuatu model dan kurikulum yang dibangunkan.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan konsep al-Mu`allim . *Journal of Islamic and Arabic Education 2 (1)* , 43-56.
- Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salomon, Azmi Shah Suratman & Sulaiman Shakib Mohd Noor. (2005). *Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan al-Quran yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Kamel, Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Khairul Anuar Mohamad dan Mohd Alwi Yusoff. (2008). *Metod Pengajaran Braille al-Quran*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Muhammad. (1939). *Ihya' `Ulum al-Din*. Mesir: Matba`ah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- al-Kaylani, Majid `Arsan. (2005). *Ahdaf al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam.
- al-Syaibani, Umar Muhammad al-Toumi. (1979). *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Libya: al-Mansya`ah al-Sya`biyyah li al-Nasyr wa al-Tawzī` wa al-`Ilān.
- Hajarul Bahti Zakaria dan Mohd Huzairi Awang. (2010). Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan. *Seminar Pendidikan Guru Peringkat Antarabangsa kali ke-4 (UPI & UPSI)*. Bandung: Indonesia. Perak: UPSI.
- Ishak Ramli. (2003). *Inilah Kurikulum Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- K.A. Razhiyah. (2010). *Menjadi Guru Pendidikan Khas*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Khadijah Abdul Razak dan Norshidah Mohamad Salleh. (2010). Pengajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan Kanak-kanak Bermasalah Penglihatan. In J. S. Dharta Ranu Wijaya, *Praktik-praktik Terbaik Pendidikan untuk Semua: Isu-isu Pendidikan Khusus di Indonesia dan Malaysia* (pp. 252-267). Bandung: Rizqi Press.
- Mohd Ali Ibrahim. (1979). Perubahan dan Pembaharuan Dalam Latihan Perguruan di Malaysia. *Seminar Penilaian Kurikulum Maktab-maktab Perguruan Malaysia, 12-22 Mac 1979*. Pulau Pinang: KPM

- Mohd Huzairi Awang @ Husain. (2010). Peranan Masjid Dalam Pendidikan: Tumpuan Khusus Terhadap Golongan Pekak. *Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran di Masjid*. Bangi: UKM
- Nasywan, Yaakob Husain. 1991. *al-Manhaj al-Tarbiyyah min Manzur Islam*. Amman: Darul Furqan.
- Noornajihan Jaafar dan Kauthar Abdul Kader. (2008). Pengajaran Braille al-Quran di Malaysia. *Seminar Warisan Quran dan Hadith Nusantara*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norakyairee Mohd Raus & Ab. Halim Tamuri. (2011). Program Tilawah al-Quran di Masjid Bagi Golongan Bermasalah Penglihatan: Realiti dan Cabaran Semasa. *Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa, 23-25 April 2011*. IAIN ar-Raniry, Banda Aceh, Aceh.
- Norakyairee Mohd Raus, Ab. Halim Tamuri, dan Norshidah Mohamed Salleh. (2012). Pengajaran Al-Quran Braille: Penglibatan Institusi Pengajian Tinggi Islam Di Malaysia. *Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam*. Nilai: USIM.
- Norakyairee Mohd Raus, Ab. Halim Tamuri, dan Norshidah Mohamed Salleh. (2012). Asas Kesediaan Pengajaran Guru Berkesan dalam Modul al-Quran Berbantukan al-Quran Braille. *The International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012 (ICRIALE2012)*. Saudi Arabia: Mekah.
- Norakyairee Mohd Raus, Ab. Halim Tamuri, dan Norshidah Mohamed Salleh. (2012). Asas Kesediaan Pengajaran Guru Berkesan Dalam Program Pendidikan Khas Masalah Penglihatan Berdasarkan Konsep *al-Rasul al-Mu`allim*. Seminar Warisan Nabawi (SWAN2012). Nilai: USIM.
- Norakyairee Mohd Raus, Abdoul Karem Toure, Abdul Muhammin Ahmad, Noornajihan Jaafar, Nurul Asiah Fasihah Mohamad dan Mohd Nur Adzam Rasdi . (2011). Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Berkeperluan Khas (Penglihatan) dalam Menghafaz al-Quran: Kajian Kes di Darul Quran, JAKIM. *Seminar Wahyu Asas Tamadun*. Bandar Baru Nilai: USIM.
- Norshidah Mohd Salleh, Aliza Allias dan Zalizan Mohd Jelas. (2009). Sejarah Pendidikan Khas di Malaysia. In Z. M. Jelas, *Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas: Konsep dan Amalan* (pp. 1-14). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Olivia, P. F. (2005). *Developing the Curriculum* (6th ed.). Boston, MA: Pearson Education, Inc.
- Razali Arof. (1996). *Pengantar Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaty Mohd Majzub. (2002). Identiti Guru: Isu, Cabaran dan Hala Tuju. *Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan*. Bangi: UKM.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangorl: Pearson Prentice Hall.
- Sanjaya, Wina. (2009). Kurikulum dan Pembelajaran, Teori dan Praktik PengembanganKTSP.Jakarta:Kencana.
- Zakaria Yahya. (2008). Perkembangan dan Isu Terkini dalam Penulisan al-Quran Braille: Satu Tinjauan Umum. *Seminar Perkembangan dan Isu Terkini Dalam Penulisan al-Quran Braille* (p. 14). Kuala Lumpur: PERTIS